

KESAHAN PERKAHWINAN MELALUI RUKUN NIKAH  
MENURUT ISLAM

NUR 'AWANIS BINTI RAHIM  
PID 11265

JABATAN SYARIAH

KOLEJ ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

KESAHAN PERKAHWINAN MELALUI RUKUN NIKAH MENURUT ISLAM

NUR ‘ AWANIS BINTI RAHIM

Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Untuk Dianugerahkan Diploma

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
KOLEJ ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

OKTOBER 2014

## **PENAKUAN**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : .....

Nama : Nur ‘Awanis Binti Rahim

No. K/P : 900611-14-6484

No. Matrik : PID 11265

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana memberi hidayah dan petunjuk kepada saya di dalam menyempurnakan kerja khusus ini. Sesungguhnya dengan pertolongan dariNya saya mampu mengharungi perjalanan menimba ilmu ini dengan lancar dan jayanya.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Ustaz Muhammad Nizam bin Jamaludin selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan sepanjang saya menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ini. Ustaz Muhammad Nizam bin Jamaludin terima kasih sekali lagi saya ucapkan kerana telah banyak bersabar selama menjadi penyelia saya dan ustaz juga telah banyak memberi tunjuk ajar agar kertas khusus saya ini menjadi lebih baik dan sempurna. Semoga Allah S.W.T. memberikan ganjaran sebaik-baiknya kepada Ustaz Muhammad Nizam bin Jamaludin.

Kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah diucapkan jutaan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma. Terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah Sekolah Pengajian Islam terutamanya di Jabatan Syariah dan Undang-Undang terima kasih diucapkan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak institusi, perpustakaan serta individu yang terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya melakukan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah membantu terima kasih diucapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat ayah dan ibu tersayang Rahim bin Nayan dan Siti Minah binti Abdul Rahman dan kaum keluarga, terima kasih di atas doa, kasih sayang dan sokongan kalian.

Akhir sekali, saya bersyukur kerana tanggungjawab yang diberi untuk menyempurnakan kertas kerja ini telah saya sempurnakan dan saya berdoakan agar mendapat keberkatan dari Allah SWT untuk kehidupan di dunia dan akhirat.

Amin.

## ABSTRAK

Kajian ini telah dilakukan untuk mengkaji kesahan perkahwinan melalui rukun nikah menurut pandangan Islam. Pernikahan ialah akad yang mengharuskan hubungan suami isteri, yang dibenarkan oleh syarak. Ia diistilahkan sedemikian kerana nikah mengikat dan merapatkan hubungan individu. Sehubungan dengan itu Islam telah meletakkan garis panduan yang wajib dipatuhi sebelum, semasa dan selepas bernikah. Rukun nikah mempunyai syarat-syarat yang perlu dipatuhi iaitu lelaki, perempuan, wali, saksi dan lafaz akad. Justeru itu, Islam meletakkan syarat-syarat yang ketat bagi menjaga kesucian agama Islam itu sendiri dan menjaga keturunan umat manusia. Masalah akad nikah ini menjadi isu yang kronik dan rumit sekiranya syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak tidak dipatuhi. Masalah yang timbul seperti ingin berkahwin dengan sama jantina, wali yang tidak mengikut turutan wali atau perkahwinan yang menggunakan ejen dan sindiket yang tidak diiktiraf merupakan penyebab tidak sah akad nikah. Selain itu, terdapat beberapa perkahwinan yang diharamkan oleh Islam.

## **SENARAI STATUT**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997[Akta 559]

Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan

Seksyen 11 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan

Seksyen 13(b) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan

Seksyen 34 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan

Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan

Seksyen 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan

## SENARAI SINGKATAN

R.A	:	Radhi Allahu'anhu
S.A.W	:	Sallahualaihiwassalam
S.W.T	:	Subahanahuwa Taala
Pnys.	:	Penyusun
Sek.	:	Seksyen
Cet.	:	Cetakan
Ed.	:	Edisi
Jil.	:	Jilid
Juz.	:	Juzuk
Hlm.	:	Halaman
AUKI	:	Akta Undang-undang Keluarga Islam
AKJS	:	Akta Kesalahan Jenayah Syariah
Ibid.	:	Buku yang sama tanpa diselang dengan buku lain
Op.cit.	:	Buku sama yang diselang dengan buku lain

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI STATUT</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>

### **BAB I      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Kepentingan kajian	3
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Matlamat Kajian	4
1.6	Limitasi Kajian	5
1.7	Definisi Operasi Kajian	5

1.8	Metodologi Kajian	6
1.9	Kajian Kepustakaan	7

## **BAB II     NIKAH MENURUT PANDANGAN ISLAM**

2.1	Pendahuluan	9
2.2	Takrif Nikah Menurut Bahasa Dan Istilah	9
2.3	Dalil Pensyariatan Nikah	10
2.3.1	Dalil Al-Quran	11
	2.3.2 Al-Sunnah	12
2.4	Galakan Berkahwin	13
2.5	Hikmah Pensyariatan Nikah	14
2.6	Hukum Nikah Menurut Syara	16
	2.6.1 Sunat Berkahwin	16
	2.6.2 Sunat Tidak Berkahwin	18
	2.6.3 Makruh	19
	2.6.4 Afdhal Tidak Berkahwin	20

2.6.5	Afdhal Berkahwin	20
2.6.6	Wajib Berkahwin	20
2.6.7	Haram Berkahwin	21

### **BAB III RUKUN NIKAH**

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Rukun Pertama: Suami	22
3.2.1	Syarat Suami	23
3.3	Rukun Kedua: Isteri	25
3.3.1	Syarat Isteri	26
3.4	Rukun Ketiga: Wali	28
3.4.1	Pengertian <i>Wilayah</i>	29
3.4.2	Hikmah Pensyariatan Wali	31
3.4.3	Kewujudan Wali Adalah Wajib Semasa Akad	31
3.4.4	Hikmah Disyariatkan Wali Dalam Perkahwinan	32
3.4.5	Perkahwinan Tanpa Wali Dan Kesannya	33

3.4.6	Wali Perkahwinan Menurut Turutan	34
3.4.7	Taraf Anak Lelaki Dalam Wali Perkahwinan	35
3.4.8	Syarat-Syarat Wali	35
3.4.9	Bahagian Wali	39
3.4.9.1	Wali <i>Ijbar</i>	39
3.4.9.2	Wali <i>Ikhtiyar</i>	41
3.4.10	Keengganan Wali Dalam Pernikahan	42
3.4.11	Wali Ghaib	43
3.4.12	Beberapa Wali Yang Setaraf	43
3.4.13	Ketiadaan Wali	44
3.4.14	Sebab Yang Mengharuskan Untuk Berwalikan Hakim	45
3.4.15	Berwakil Wali Dalam Pernikahan	46
3.5	Rukun Keempat: Dua Orang Saksi	46
3.5.1	Syarat-Syarat Saksi	48
3.5.2	Penyaksian Persetujuan Pengantin Perempuan	49

3.6	Rukun Kelima: Lafaz Akad Nikah ( <i>Sighah</i> )	50
3.6.1	Hikmah Disyariatkan <i>Sighah</i>	50
3.6.2	Sah <i>Sighah</i> Dengan Bahasa-bahasa ' <i>Ajam</i>	50
3.6.3	Syarat-syarat <i>Sighah</i>	51
3.6.4	Tidak Sah Penggunaan <i>Sighah</i>	
	Di Dalam Bentuk Sindiran( <i>Kinayah</i> )	52

#### **BAB IV PERKAHWINAN YANG DIHARAMKAN**

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Nikah <i>Mut'ah</i>	58
4.2.1	Dalil Yang Mengharamkan Perkahwinan <i>Mut'ah</i>	59
4.2.2	Tujuan Perkahwinan <i>Mut'ah</i>	60
4.2.3	Kesan Perkahwinan <i>Mut'ah</i>	60
4.3	Nikah <i>Tahlil</i>	61
4.3.1	Dalil Yang Mengharamkan Perkahwinan <i>Tahlil</i>	62

4.3.2	Kesahan Perkahwinan Janda Yang Dicerai Tiga Kali	62
4.4	Nikah <i>Syighar</i>	63
4.5	Perkahwinan Dalam Keadaan Ihram Haji atau Umrah	64
4.6	Kesimpulan Dan Sumbangsaan Penulis	65

## RUJUKAN

# BAB I

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Menjadi fitrah bahawa manusia ini dijadikan oleh Allah S.W.T berpasangan. Dengan itu, manusia mungkin kelihatan berlumba-lumba mencari pasangan sendiri. Namun, akhir-akhir ini hubungan perkahwinan bukan terbina dengan majlis akad nikah sahaja, bahkan bagi kebanyakan pasangan muda, hubungan mereka mungkin bermula sejak zaman persekolahan lagi.

Tanpa memahami hukum-hukum agama, ramai juga sebenarnya jauh menyimpang daripada landasan keagamaan. Berdua-duaan, bersentuhan kulit, bercinta melulu, bergaul bebas, bercinta di alam *siber* dan segala budaya baru yang tidak Islamik diterima masuk dalam kehidupan. Tambahan pula, ekonomi dan taraf kehidupan semakin meningkat menyebabkan pasangan yang ingin berkahwin takut untuk berkahwin. Adakalanya, penangguhan perkahwinan antara faktor berlakunya penzinaan.

Definisi nikah pada syarak ialah akad yang mengharuskan hubungan suami isteri yang dibenarkan oleh syarak. Jadi mereka halal melakukan apa sahaja para pemuda yang berkemampuan untuk berkahwin manakala bagi mereka yang tidak berkemampuan hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat mengekang nafsu mereka.

Hukum asal perkahwinan adalah sunat. Hukum asal ini boleh berubah mengikut keadaan seseorang. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam kajian. Kajian ini dikemukakan bertujuan menghuraikan berkenaan kesahan perkahwinan melalui rukun nikah menurut pandangan Islam. Seterusnya, ia diakhiri dengan hal yang berkaitan dengan akad nikah, perkahwinan yang diharamkan dan perkara yang berkaitan dengannya.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai berapa permasalahan kajian yang perlu dikaji seperti berikut:-

**1.2.1** Mengkaji kesahan perkahwinan luar negara yang menggunakan sindiket dan menawarkan mas kahwin yang murah tanpa menghiraukan sama ada wali yang di gunakan bertauliah atau tidak.

**1.2.2** Membicarakan kesahan perkahwinan sekiranya sesuatu perkahwinan di laksanakan tetapi tidak berlandaskan syarak dan tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

**1.2.3** Mengkaji perkahwinan yang dilangsungkan walaupun dalam keadaan masih dalam ihram haji atau ihram umrah, sah atau tidak.

### **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat diperincikan seperti berikut:-

**1.3.1** Kajian ini dapat membantu dan memahami dalam mengkaji tentang kesahan perkahwinan melalui rukun nikah menurut pandangan Islam.

**1.3.2** Kajian ini membincangkan tentang syarat-syarat bagi akad nikah yang harus di patuhi bagi memastikan sesuatu akad itu sah atau tidak.

**1.3.3** Kajian ini menerangkan tentang hukum nikah mengikut keadaan tertentu. Hukum seperti wajib, sunat, harus, haram dan lain-lain.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

**1.4.1** Untuk mengkaji sejauh mana kesahan perkahwinan melalui rukun nikah menurut Islam. Di dalam rukun nikah juga terdapat syarat-syarat yang harus dipatuhi, syarat-syarat ini akan menentukan status sesuatu pernikahan itu.

**1.4.2** Untuk meneliti dan menjelaskan tentang perkahwinan yang diharamkan di dalam Islam. Perkahwinan yang di haramkan ini adalah tidak sah, pelakunya adalah berdosa dan perkahwinan ini juga mempunyai banyak kesan buruk.

**1.4.3** Untuk mencadangkan dan mengusulkan pendapat tentang langkah yang realistik bagi pasangan yang ingin berkahwin menitik beratkan tentang perkara yang menyebabkan sesuatu perkahwinan itu sah atau tidak.

## **1.5 MATLAMAT KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini adalah bermatlamat untuk mengkaji bagaimana untuk mengetahui kesahan sesuatu perkahwinan itu melalui rukun nikah menurut Islam. Oleh itu, kajian ini akan mengkhususkan tentang kesahan suatu pernikahan seperti

rukun-rukun nikah, status pernikahan, hukum dan banyak lagi yang berkaitan dengannya. Pernikahan merupakan aspek terpenting bagi menghalalkan hubungan suami isteri.

## **1.6 LIMITASI KAJIAN**

Tumpuan kajian yang dilakukan oleh penulis adalah menjerumus kepada kesahan perkahwinan melalui rukun nikah menurut Islam. Penulis melihat wujudnya perkara yang perlu diketengahkan dalam kajian yang dilakukan ini, iaitu dengan menjelaskan tentang pernikahan dan perkara yang berkaitan dengannya. Pernikahan adalah perkara yang wajib sebelum memasuki alam perkahwinan. Pernikahan yang tidak cukup rukunnya dan syarat yang tidak dipatuhi akan menyebabkan pernikahan itu tidak sah menurut pandangan Islam.

## **1.7 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

### **1.7.1 Kesahan**

Perihal sah, sah tidaknya (sesuatu).

### **1.7.2 Perkahwinan**

Perihal berkahwin, pernikahan.

### **1.7.3 Rukun**

Dasar, tiang, asas, sendi. Sesuatu perkara atau perbuatan yang wajib ada dan dilakukan, sekiranya tidak cukup salah satu daripadanya, maka tidak sah.

### **1.7.4 Akad**

(Perjanjian) yang mengandungi lafaz ijab dan Kabul yang menghalalkan pasangan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan.

### **1.7.5 Menurut**

Mengikut apa yang disuruh, tidak melawan, patuh kepada sesuatu.

### **1.7.6 Islam**

Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW dan merupakan satu dimensi yang berkaitan hal ehwal agama dan syariat Islam kepada penganutnya dalam semua perkara.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Melalui usaha yang dijalankan oleh penulis dalam kajian ini, adalah di mana penulis menggunakan kaedah kajian kepustakaan sepenuhnya. Ini adalah bilamana

segala fakta-fakta atau data-data dokuman untuk kajian sangat tepat dan bersifat nyata. Dengan itu, dapat membantu penulis dalam kajian ilmiah serta memenuhi objektif kajian secara dasarnya. Melalui kajian ini, penulis memperolehi sumber data-data dalam membantu kajian yang dijalankan seperti konsep, definisi, dalil, hukum dan perkara berkaitan dengan wali. Di samping itu, penulis juga mendapatkan maklumat dengan hal kajian yang dijalankan sama ada melalui tesis, jurnal dan dokumen bercetak yang berkaitan dengan kajian.

## **1.7 KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Prof. Madya Dr. Musa Bin Fathullah Harun (1999) dalam bukunya telah berusaha menghuraikan segala masalah yang berkaitan dn sistem kekeluargaan dalam Islam, yang berpandukan kepada huraian Al-Quran dan Al-Sunnah, bermula daripada pra-pembentukannya, yakni pemilihan jodoh dan peminangan, perkahwinan, rukun dan syarat-syaratnya, kedudukan lelaki dan wanita, hikmat penciptaan, persamaan dan perbezaan mereka, masalah talak, jenis-jenis dan perkara-perkara yang menyerupainya. Buku ini lengkap dan sesuai dijadikan rujukan dan panduan.

Abul Khairi Al-Latifi (2000) dalam bukunya telah menjelaskan tentang fiqh perkahwinan menurut mazhab Imam As-Syafi'e. Penulis menjelaskan berkaitan dengan hukum- hakam yang berkaitan dengan perkahwinan khususnya menurut mazhab Imam As-Syafi'e Rahimahullah.

Muhammad Ali Qutb (2003) dalam bukunya telah membincangkan tentang perkahwinan menurut ajaran Islam. Di samping itu, terdapat sejumlah catatan pengalaman yang bermanfaat, serta berbagai pendapat dan pemikiran yang disumbangkan dengan jujur dan ikhlas oleh para ilmuwan dari berbagai bidang seperti ilmu fiqh dan ilmu sosial.

Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2010) dalam bukunya telah menghimpunkan pelbagai hukum, tips dan doa berkaitan perkahwinan yang diperlukan dalam pembentukan keluarga bahagia. Ia diperkuatkan lagi dengan dalil, hujah, hikmah dan juga fatwa sama ada daripada tokoh terkemuka atau Majlis Fatwa.

# BAB II

## **BAB II**

### **NIKAH MENURUT PANDANGAN ISLAM**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Perkahwinan merupakan perkara yang mulia di dalam Islam berlandaskan syariat. Sejak kebelakangan ini terdapat banyak isu tentang perkahwinan yang tidak sah, tidak diiktiraf dan tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan di dalam Islam. Ini kerana kurangnya pengertian, pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang ilmu perkahwinan yang sepatutnya wajib mereka ketahui, pelajari dan fahami.

#### **2.2 TAKRIF NIKAH MENURUT BAHASA DAN ISTILAH**

Nikah dari segi bahasa ialah dakap dan bertaut. Dikatakan pokok-pokok itu bernikah bermaksud bertaut antara satu dengan yang lain. Nikah pada syarak ialah akad yang mengharuskan hubungan suami isteri, yang dibenarkan oleh syarak. Diistilahkan sedemikian kerana nikah mengikat dan merapatkan hubungan individu. Orang Arab menggunakan lafaz nikah dengan maksud akad bermesra dan persetubuhan.

Namun, makna nikah yang sebenarnya ialah akad, manakala penggunaannya dengan makna persetubuhan adalah secara kiasan. Walaubagaimanapun, al-Quran menggunakan lafaz nikah pada keseluruhannya dengan makna akad pernikahan, bukan bermakna persetubuhan.<sup>1</sup>

*Al-Ahwal al-Syakhsiyyah* menjelaskan hubungan seseorang dengan keluarganya, perkara yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab material dan akhlak. Penggunaan istilah *al-Ahwal al-Syakhsiyyah* dengan maksud yang tersebut merupakan istilah moden berbanding istilah *al-Ahwal al-Madaniyah*, yang mengatur hubungan manusia dengan anggota masyarakat yang di luar sepadan kekeluargaan.<sup>2</sup>

### **2.3 DALIL PENSYARIATAN NIKAH**

Islam mensyariatkan perkahwinan dan menetapkan peraturan yang sempurna berdasarkan prinsip yang kukuh. Terdapat beberapa nas atau dalil yang menunjukkan kepada suruhan berkahwin sama ada dari kitab suci al-Quran atau al-Sunnah.

---

<sup>1</sup> Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2010, hlm. 1.

<sup>2</sup> Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Al-Fiqh Al-Mahanji, Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al-Syafi'i*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2014, hlm. 1.

### 2.3.1 Dalil al-Quran

Dalil Pertama

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ  
مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعًا ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ  
ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ۗ

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat supaya kamu tidak melakukan kezaliman.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> A-Quran al-Karim, Surah al-Nisa' 4:3.

<sup>4</sup> Terjemahan ini diambil daripada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Kuala Lumpur: Darul Fikir*.

Firman Allah SWT lagi:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا  
فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾<sup>5</sup>

Maksudnya:

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang dari kalangan kamu, dan orang-orang yang layak (menikah) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kemampuan kepada mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya), lagi Maha mengetahui.

### 2.3.2 Al-Sunnah

Dalil hadis, daripada Abdullah bin Mas'ud RA, sabda Rasulullah SAW:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ , وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ

فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Al-Quran al-Karim, Surahal-Nur 24 :32.

Maksudnya:

Wahai para pemuda! Sesiapa di kalangan kamu yang mampu berkahwin, maka berkahwinlah kerana ia dapat menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan. Sebaliknya, jika tidak mampu, hendaklah berpuasa kerana puasa itu merupakan pengekang nafsunya.

## 2.4 GALAKAN BERKAHWIN

Islam menggalakkan perkahwinan dan mendorong umatnya agar berkahwin. Hal ini kerana terdapat banyak kebaikan dan manfaatnya bagi individu dan masyarakat. Terdapat beberapa hadith yang menyatakan tentang galakkan berkahwin antaranya:

Daripada Abdullah Bin Amr RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> Riwayat al-Bukhari (4779) dan Muslim (1400).

<sup>7</sup> Riwayat Muslim (1467).

Maksudnya:

Dunia merupakan keseronokan sementara dan keseronokan yang paling baik ialah wanita yang solehah.

Begitu juga hadith, daripada Abu Ayyub RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksudnya:

Empat perkara yang merupakan sunnah para rasul, iaitu sifat malu, berwangi-wangian, bersugi dan nikah.

## **2.5 HIKMAH PENSYARIATAN NIKAH**

Terdapat pelbagai hikmah dan faedah pensyariatian nikah, antaranya ialah:

- i. Memenuhi keperluan fitrah manusia, dengan pensyariatian perkahwinan Islam sebagai *din al-fitrah*, telah membuka jalan yang halal bagi lelaki dan wanita untuk memenuhi hajat melepaskan syahwat, iaitu *gharizah jinsiah* yang merupakan fitrah manusia, yang kerananya akan memelihara pandangan dan melindungi kemaluan daripada kearah penzinaan yang boleh mengakibatkan terkena berbagai macam penyakit yang berbahaya.
- ii. Mengembangkan masyarakat Islam dengan keturunan yang soleh dan generasi terdidik. Dengan pensyariatian perkahwinan maka pertumbuhan,

perkembangan dan kelangsungan hidup masyarakat manusia lebih terjamin dengan kemunculan generasi-generasi baru yang baik yang berterusan akibat kesan pensyariatan perkahwinan tersebut.

iii. Mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani. Melalui perkahwinan, terjalin hubungan dan kerjasama yang berasaskan saling mencintai dan saling menghormati untuk mencapai kebahagiaan dan ketenangan hidup bersama.

iv. Memelihara daripada kemerosotan dan keruntuhan akhlak. Pensyariatan perkahwinan juga terpelihara kesucian keturunan.

v. Memelihara generasi manusia yang sejahtera. Perkahwinan menjadikan kehidupan seseorang lebih bermakna, tidak kosong dan tidak kesunyian.

vi. Mengembangkan kekeluargaan dan mengeratkan semangat bekerjasama. Perkahwinan memperluas lingkungan kekeluargaan dan menjalin hubungan dan kerjasama yang menguntungkan di antara keluarga kedua-dua belah pihak.

vii. Perkahwinan merupakan satu-satunya jalan untuk mendapat anak yang soleh, yang menjadi penghibur hati, menambahkan keceriaan hidup dan juga menambahkan bekalan di akhirat.<sup>8</sup>

## **2.6 HUKUM NIKAH MENURUT SYARAK**

Tiada paksaan di dalam pernikahan, ia merupakan sunnah Nabi SAW tetapi di dalam keadaan tertentu hukum nikah boleh berubah-ubah. Nikah mempunyai pelbagai hukum berdasarkan keadaan seseorang seperti berikut:

### **2.6.1 Sunat berkahwin**

Sunat berkahwin bagi seseorang yang mempunyai keinginan, di samping memiliki perbelanjaan dan *nafakah*, iaitu mas kahwin dan sara hidup dirinya sendiri serta pasangannya. Dalam masa yang sama, dia tidak khuatir dirinya akan terjerumus dalam maksiat sekiranya tidak berkahwin.

Hukum nikah baginya adalah sunat kerana ia merupakan satu cara untuk mengekalkan dan memelihara keturunan serta membantunya untuk melaksanakan

---

<sup>8</sup> Musa Bin Fathullah Harun, *Nizam Al-Usrah Fi Al-Islam (Sistem Kekeluargaan Dalam Islam)*, Dr. Musa Bin Fathullah Harun, Sungai Buloh, 1999, hlm. 11.

beberapa keperluan hidup. Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, Rasulullah bersabda:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ , وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ

فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ<sup>9</sup>

Maksudnya:

Wahai para pemuda! Sesiapa di kalangan kamu yang mampu berkahwin, maka berkahwinlah kerana ia dapat menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan. Sebaliknya, jika tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu merupakan pengekang nafsu.

Perkahwinan dalam keadaan berkeinginan dan berkemampuan adalah lebih baik daripada menumpukan masanya dengan beribadat sahaja. Inilah yang diberitahu oleh Rasulullah SAW kepada beberapa orang sahabat yang telah bertekad untuk beribadat semata-mata dan tidak akan berkahwin. Hal ini berdasarkan hadis, daripada Anas RA, katanya, yang bermaksud:

Beberapa orang sahabat Nabi SAW pernah bertanya kepada isteri-isteri baginda tentang amalan yang baginda lakukan ketika bersendirian. Seorang daripada

---

<sup>9</sup> Riwayat al-Bukhari (4779) dan Muslim (1400).

mereka berkata: Aku tidak akan kahwin. Seorang lagi berkata,: Aku tidak akan makan daging. Manakala seorang lagi berkata: Aku tidak akan tidur atas tilam. Maka, Rasulullah SAW memuji Allah SWT, lalu bersabda: Mengapa mereka berkata begitu begini, sedangkan aku solat dan tidur, aku berpuasa dan berbuka, dan aku juga berkahwin? Jesteru, sesiapa yang tidak suka akan sunnahku, maka dia bukan daripadaku.<sup>10</sup>

Makna ayat, sesiapa yang tidak suka akan sunnahku, maka dia bukan daripadaku ialah siapa yang meninggalkannya dengan berpaling tanpa beri *'itiqad* seperti yang sebenarnya. Wanita juga sunat berkahwin, sebagaimana lelaki sekiranya mempunyai keinginan, dengan tujuan memelihara diri, menjaga agama dan mendapatkan *nafakah*.

### **2.6.2 Sunat Tidak Berkahwin**

Makruh berkahwin bagi seseorang yang mempunyai keinginan, tetapi tidak mempunyai atau memiliki perbelanjaan nikah dan *nafakah*. Sehubungan dengan itu, dia hendaklah menjaga diri dengan beribadat dan berpuasa. Lantaran kesibukannya itu, meleakakan daripada berfikir tentang perkahwinan dan mengendurkan keinginannya, sehinggalah dia mampu mengatasinya dengan kurniaan Allah SWT.

---

<sup>10</sup> Riwayat al-Bukhari(5063) dan Muslim(1401).

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT :

وَلَيْسَتَعَفِيفِ الَّذِينَ لَا تَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ<sup>11</sup>

Maksudnya:

Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya

### 2.6.3 Makruh

Hukum ini berlaku apabila seseorang itu tidak perlu kepada perkahwinan. Contohnya, seseorang yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin sama ada disebabkan oleh faktor semula jadi, penyakit atau tidak mempunyai perbelanjaan. Makruh berkahwin dalam keadaan ini kerana perkahwinan perlu kepada memenuhi sesuatu yang di luar kemampuannya, iaitu mas kahwin dan *nafakah*.

---

<sup>11</sup> Al-Quran al-Karim, Surah al-Nur 24:33.

#### **2.6.4 Afdhal Tidak Berkahwin**

Hukum ini adalah apabila seseorang memiliki kemampuan kewangan, tetapi tidak berhajat kepada perkahwinan kerana tiada keinginan, di samping sibuk beribadat atau menuntut ilmu adalah lebih baik daripada berkahwin. Hal ini adalah kerana perkahwinan akan mengganggu tumpuannya.

#### **2.6.5 Afdhal Berkahwin**

Seseorang yang tidak kuat beribadat atau menuntut ilmu, bahkan berkemampuan untuk berkahwin, tetapi tidak memerlukannya, *afdhal* baginya berkahwin agar kelapangan masa itu tidak mendorongnya melakukan perkara yang keji. Melalui perkahwinan, akan membantunya melakukan kebaikan, melahirkan zuriat serta meramaikan keturunan.

#### **2.6.6 Wajib Berkahwin**

Kewajipan ini hanya bagi mereka yang tidak dapat mengawal nafsu dan jika ia dibiarkan, maka boleh membawa kepada perzinaan. Di samping itu, mereka mempunyai kemampuan untuk menyara keluarga apabila berkahwin kelak.

### **2.6.7 Haram Berkahwin**

Jika seseorang itu mempunyai keyakinan bahawa dia menzalimi isterinya. Begitu juga dia tidak mempunyai syahwat akibat sakit atau terlampau tua dan tidak mampu lagi untuk memberi nafkah kepada isterinya termasuk juga buruk akhlaknya.<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup>Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Al-Fiqh Al-Mahanji, Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al-Syafi'i*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2014, hlm. 17.

# BAB III

## **BAB III**

### **RUKUN NIKAH**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Nikah mempunyai lima rukun, yaitu suami, isteri, dua orang saksi, wali dan lafaz akad nikah. Perkataan rukun memberi maksud tepi sesuatu atau segala juzu' yang terdapat pada sesuatu. Adapun pada istilahnya, rukun memberi maksud terhenti ke atas sesuatu dengan wujudnya sama ada termasuk pada hakikatnya atau sejuzu' daripada bahagiannya.

#### **3.2 RUKUN PERTAMA: SUAMI**

Rukun yang pertama adalah suami, calon suami perlu ada terlebih dahulu sebelum perkahwinan boleh dilaksanakan. Bagi sahnyanya perkahwinan, disyaratkan pada calon suami syarat-syarat berikut:

### 3.2.1 Syarat Suami

Agama Islam merupakan agama yang mudah. Oleh itu, Islam telah meletakkan syarat bagi suami agar sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak melakukan perbuatan yang dilarang oleh Islam. Akad nikah tidak sah sekiranya syarat bagi suami tidak di patuhi. Syarat-syarat bagi suami adalah seperti berikut:

#### i. Islam

Calon suami mestilah seorang yang beragama Islam, bukan kafir kerana seorang wanita Islam diharamkan berkahwin dengan lelaki bukan Islam.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنَ<sup>ج</sup>

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita muslimah), sebelum mereka beriman.

---

<sup>13</sup> Al-Quran al-Karim. Surah Al-Baqarah 2:221.

Imam Ath-Thabari menyatakan dalam tafsirnya, Allah S.W.T. telah mengharamkan terhadap wanita-wanita *mukminah* untuk mengahwini lelaki *musyrik* dalam bentuk apa pun *kemusyrikannya* dan daripada golongan *musyrik* mana pun dia. Maka janganlah kamu wahai orang-orang mukmin, menikahkan mereka dengan orang-orang *musyrik* itu. Oleh kerana yang demikian itu haram untuk kamu lakukan.<sup>14</sup>

## **ii. Bukan Mahram Kepada Bakal Isteri**

Syarat yang kedua bagi seorang calon suami adalah dia tidak mempunyai hubungan mahramiyah dengan calon isteri. Bakal suami tidak mempunyai isteri yang mempunyai hubungan mahramiyah dengan calon isteri kerana mereka tidak boleh dihimpun atau tidak boleh bermadu. Bakal suami juga mestilah belum beristeri empat, kerana seorang muslim tidak boleh beristeri lebih daripada empat.<sup>15</sup> Bakal suami halal mengahwini bakal isteri sekiranya dia bukan mahram kepada bakal isteri tersebut.

---

<sup>14</sup> Jamaluddin Ibrahim Mydin, *Tafsir Wanita Dalam Al-Quran*, Al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2007, hlm.59.

<sup>15</sup> Musa Bin Fathullah Harun, *Nizam Al-Usrah Fi Al-Islam (Sistem Kekeluargaan Dalam Islam)*, Dr. Musa Bin Fathullah Harun, Sungai Buloh, 1999, hlm.33.

### **iii. Seorang Lelaki Yang Ditentukan**

Syarat ketiga bagi bakal suami ialah seorang lelaki yang ditentukan. Jika wali berkata: '*Aku kahwinkan anak perempuanku dengan seorang daripada kamu berdua*', maka perkahwinan itu tidak sah kerana bakal suami tidak ditentukan.<sup>16</sup>

### **iv. Bukan Dalam Ihram Haji Atau Umrah**

Syarat keempat bagi bakal suami ialah bukan dalam ihram haji atau umrah.

Daripada Uthman R.A, Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

Lelaki yang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwinkan dan tidak boleh bertunang.<sup>17</sup>

## **3.3 RUKUN KEDUA: ISTERI**

Rukun ketiga bagi satu pernikahan adalah Isteri. Isteri mestilah seorang perempuan dan bukanlah seorang lelaki atau sama jenis jantina dan begitu juga dengan agama, mestilah beragama yang sama iaitu agama Islam, tidak boleh beragama lain selain Islam atau sudah murtad. Islam meletakkan beberapa syarat

---

<sup>16</sup> Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2010, hlm.130-131.

<sup>17</sup> Riwayat Muslim (1409) dan Ibn Hibban (1274).

bagi isteri, sekiranya syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi maka tidak sah akad nikah tersebut.

### 3.3.1 Syarat Isteri

Bagi sahnya akad, disyaratkan calon isteri dengan syarat-syarat berikut:

#### i. Islam

Calon Isteri mestilah seorang yang beragama Islam, bukan kafir kerana seorang lelaki Islam diharamkan berkahwin dengan wanita bukan Islam.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ<sup>ج</sup>  
<sup>18</sup>

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita muslimah), sebelum mereka beriman.

Wanita Ahli kitab iaitu Yahudi atau Nasrani, mereka ini hanya halal dinikahi dengan syarat iaitu datuk moyang mereka sudah menganut agama tersebut sebelum agama tersebut dinasakh atau diselewengkan.

---

<sup>18</sup> Al-Quran al-Karim. Surah Al-Baqarah 2:221.

## **ii. Tiada Halangan Untuk Bernikah**

Syarat yang kedua bagi bakal isteri adalah tiada sebarang halangan untuk bernikah. Dikatakan dengan halangan untuk bernikah ialah sebagaimana yang dijelaskan dalam perkara perempuan yang haram dikahwini dan dipinang, bukan dalam iddah dan bukan mahram calon suami.

## **iii. Bakal Isteri Seorang Yang Ditentukan Jika Wali Berkata Kepada Pengantin Lelaki**

Syarat bagi bakal isteri yang seterusnya ialah mestilah seorang yang telah ditentukan jika wali berkata kepada pengantin lelaki: *'Aku kahwinkan engkau dengan seorang daripada anak perempuanku'* maka akad nikah tersebut tidak sah. Hal ini adalah kerana dia tidak menentukan yang mana satu anak perempuannya yang dikahwinkan dengan pengantin itu.

## **iv. Bukan Dalam Ihram Haji Atau Umrah**

Syarat bakal isteri yang keempat ialah bukan dalam keadaan Ihram haji atau umrah. Hal ini berdasarkan hadis daripada Uthman R.A., Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ وَلَا يُنْكَحُ وَلَا يَخْطُبُ

Maksudnya:

Lelaki yang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwinkan dan tidak boleh bertunang.<sup>19</sup>

Oleh itu, lelaki dan perempuan yang berihram, haram berkahwin dan haram dikahwinkan oleh orang lain sama ada sebagai wali atau wakil. Mereka juga tidak boleh bertunang.<sup>20</sup>

### **3.4 RUKUN KETIGA: WALI**

Dalam akad nikah, kewujudan wali yang mengendalikan akad sebagai wakil calon isteri adalah wajib, kerana wanita tidak boleh mengahwinkan orang lain ataupun mengahwinkan dirinya sendiri, sebagaimana yang difahami daripada nas Al-Quran dan hadis Nabi S.AW.

---

<sup>19</sup> Riwayat Muslim (1409) dan Ibn Hibban (1274).

<sup>20</sup>Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2010, hlm.129.

Firman Allah S.W.T :

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا

بَيْنَهُم بِالْمَعْرُوفِ ....<sup>21</sup>

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isterimu, lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu (para wali) menghalang mereka untuk berkahwin (semula) dengan (bekas) suami mereka apabila mereka saling meredai satu sama lain dengan cara yang baik.

### 3.4.1 Pengertian *Wilayah*

*Wilayah* dari segi bahasa bermaksud kasih sayang dan pertolongan.

Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Al-Quran al-Karim, Surah Al-Baqarah 2:232.

<sup>22</sup> Al-Quran al-Karim, Surah Al-Maidah 5:56.

Maksudnya:

Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada ugama) Allah, itulah yang tetap menang.

Sementara dari segi syarak, *wilayah* bermaksud melaksanakan kekuasaan atas orang lain serta mengawasinya. Maksud orang lain ialah orang yang tidak mampu menguruskan dirinya, orang gila dan perempuan yang *baligh* dalam kekuasaan wali *mujbir*, iaitu bapa dan datuk.

*Wilayah* menurut sebahagian ulama' ialah pelaksanaan kuasanya atas orang lain sama ada orang itu suka atau tidak. Dalam pengertian ini termasuklah wali *mujbir*. Orang yang diberi hak *wilayah* oleh syarak ini dinamakan wali:

Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمِلْ  
وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ<sup>ج</sup>

---

<sup>23</sup> Al-Quran al-Karim, Surah Al-Baqarah 2:282.

Maksudnya:

Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya), atau dia sendiri tidak mampu mencatatkannya, maka hendaklah walinya mencatatkan dengan jujur.<sup>24</sup>

### **3.4.2 Hikmah Pensyariatan Wali**

Hikmah kepada pensyariatan wali adalah ke atas kanak-kanak dan orang yang tidak mampu mengurus diri sendiri adalah untuk menjaga hak mengatur urusan dan menjaga kemaslahatan mereka agar tidak terbiar.

### **3.4.3 Kewujudan Wali Adalah Wajib Semasa Akad**

Perkahwinan seseorang perempuan sama ada dewasa atau masih kecil, janda ataupun dara, hendaklah diakadkan oleh walinya. Seseorang perempuan tidak harus dikahwini, mengahwinkan dirinya sendiri atau mengahwinkan orang lain samaada dengan izin atau tidak, walaupun terdapat ijab dan kabul daripada perempuan tersebut.

---

<sup>24</sup> Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Al-Fiqh Al-Mahanji, Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al-Syafi'i*, Darul Syakir Enterprise, Selangor, 2014, hlm.107.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksudnya:

Seseorang perempuan tidak harus mengahwinkan perempuan lain dan tidak harus mengahwinkan dirinya sendiri.<sup>25</sup>

Para sahabat R.A. menggelarkan perempuan yang mengahwinkan dirinya sendiri sebagai perempuan jahat, manakala dalam riwayat yang lain, dia disebut penzina.<sup>26</sup>

#### **3.4.4 Hikmah Disyariatkan Wali Dalam Perkahwinan**

Hikmah disyariatkan wali dalam perkahwinan adalah mengikut kebiasaan adat yang sebaiknya. Tidak wajar seorang perempuan melakukan akad nikahnya sendiri. Hal ini adalah kerana dia mestilah memiliki sifat malu sebagai seorang perempuan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Apabila kamu mentalaq isteri-isterimu, lalu habis masa iddahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kahwin lagi dengan bakal suaminya, apabila telah wujud kerelaan di antara mereka dengan cara yang ma'aruf.

---

<sup>25</sup> Riwayat Al-Daraqutni (3/227), Ibn Majah (1882) dan *rijalnya thiqah*.

<sup>26</sup> Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *op. cit.*, hlm.108.

Imam al-Syafie Rahimahullah menyatakan bahawa ayat ini ialah bukti paling jelas tentang kepentingan wali. Jika wali tidak penting, sudah pasti mereka tidak ditegah menghalang perkahwinan tersebut.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tidak sah nikah melainkan wali dan dua orang saksi yang adil. Perkahwinan yang berlaku selain daripada itu adalah batal.<sup>27</sup>

#### **3.4.5 Perkahwinan Tanpa Wali Dan Kesannya**

Apabila seseorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali, perkahwinan adalah batal dan kedua-duanya wajib dipisahkan. Jika telah berlaku persetubuhan, perempuan itu wajib diberikan mahar *mithil*, iaitu berdasarkan mas kawin keluarganya samaada mahar telah disebut atau tidak semasa akad.

Daripada Aisyah R.A., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal. Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali. Apabila disetubuhi oleh pasangannya, dia berhak menerima maskawin bagi menghalalkan farajnya. Jika

---

<sup>27</sup> Riwayat Abu Daud (2085)

berlaku perbalahan tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.<sup>28</sup>

#### **3.4.6 Wali Perkahwinan Menurut Turutan**

Wali mempunyai turutannya, oleh itu perlu mengikut tertib wali yang telah di tetapkan oleh Islam. Berikut merupakan tertibnya:

- i. bapa
- ii. datuk
- iii. saudara lelaki seibu sebapa.
- iv. saudara lelaki sebapa.
- v. saudara lelaki sebapa.
- vi. anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa.
- vii. anak lelaki saudara lelaki sebapa.
- viii. bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa.
- ix. bapa saudara sebelah bapa sebapa.
- x. anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa.
- xi. anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa.

---

<sup>28</sup> Riwayat Abu Daud (2083)

xii. semua lelaki yang mewarisi harta secara *asabah*.

xiii. qadi.

Hal ini berdasarkan hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Maka sultan adalah wali kepada siapa yang tidak mempunyai wali.<sup>29</sup>

#### **3.4.7 Taraf Anak Lelaki Dalam Wali Perkahwinan**

Anak lelaki dan cucu lelaki daripada anak lelaki tidak boleh menjadi wali dalam perkahwinan. Oleh itu, sebagai seorang anak, dia tidak boleh menjadi wali kepada ibunya sendiri kerana tiada persamaan nasab antara keduanya. Hal ini adalah kerana mereka dinasabkan kepada bapa masing-masing.

#### **3.4.8 Syarat-Syarat Wali**

Keizinan dari wali amatlah penting dalam menentukan kesahan perkahwinan memandangkan wali ialah orang yang berhak mengahwinkan perempuan bawah jagaannya. Mazhab Syafie dan mazhab Maliki berpegang pada hakikat bahawa wali ialah unsur yang penting dan ketiadaannya menjadikan akad sesuatu perkahwinan tidak sah. Syarat-syaratnya ialah seperti berikut:

---

<sup>29</sup> Riwayat Abu Daud (2083)

**i. Islam**

Lelaki *kafir* tidak boleh mengahwinkan perempuan Islam kerana orang *kafir* tidak berkuasa atas orang Islam.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا<sup>30</sup>

Maksudnya:

Dan Allah sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang-orang *kafir* untuk memusnahkan orang-orang yang beriman.

Hal ini juga kerana wali dalam perkahwinan berdasarkan pembahagian harta pusaka, sedangkan orang Islam dan *kafir* tidak boleh saling mewarisi. Walaupun begitu, lelaki *kafir* boleh mengahwinkan perempuan *kafir* yang lain walaupun kepercayaan agamanya berbeza. Contohnya, lelaki yahudi boleh mengahwinkan perempuan kristian dan sebaliknya. Hal ini demikian kerana semua orang *kafir* dianggap satu agama.

---

<sup>30</sup> Al-Quran Al-Karim, Surah Al-Nisa' 4:141.

## ii. Adil

Maksud adil ialah tidak melakukan dosa besar, tidak mengekalkan dosa kecil dan tidak mencemarkan maruah diri, seperti kencing di jalanan, berjalan tanpa kasut dan seumpamanya.

Jesteru itu, wali yang fasik iaitu tidak adil tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beriman, bahkan hak perwalian berpindah kepada wali adil yang seterusnya mengikut urutan.

Hal ini berdasarkan hadis maksudnya:

Tidak sah nikah melainkan oleh wali yang *mursyid*.<sup>31</sup>

Imam al-Syafie *Rahimahullah* berkata: Maksud *mursyid* dalam hadis tersebut adalah adil. Hal ini adalah kerana fasik merupakan kekurangan yang merosakkan persaksian dan menghalang perwalian dalam perkahwinan.

Pendapat yang lain menyatakan bahawa adil bukan menjadi syarat dalam perkahwinan. Hal ini adalah kerana kelayakan menjadi wali adalah berdasarkan kepada pertalian waris yang menimbulkan perasaan kasih sayang untuk kebaikan orang di bawah jagaannya sama ada dia bersifat adil atau sebaliknya.

---

<sup>31</sup> Riwayat Imam al-Syafie (1000)

### **iii. Baligh**

Kanak-kanak tidak boleh menjadi wali. Ini kerana dia tidak berkuasa atas dirinya sendiri, apatah lagi terhadap orang lain.

### **iv. Berakal**

Orang gila tidak boleh menjadi wali kerana dia sendiri tidak dapat menguasai dirinya sendiri apatah lagi menjadi wali terhadap orang lain.

### **v. Tiada Penyakit Yang Mencatatkan Fikiran**

Orang yang cacat fikiran kerana tua atau nyanyuk tidak boleh menjadi wali. Hal ini kerana mereka tidak mampu memilih pasangan yang sepadan. Sekiranya wali itu pitam, hendaklah ditunggu hingga dia pulih semula. Hal ini adalah kerana pitam itu hanya berlaku dalam masa yang singkat, sama seperti tidur.

### **vi. Tidak Terhalang Menguruskan Hartanya Kerana Boros**

Pemboros yang terhalang menguruskan hartanya ialah orang yang membazirkan harta bendanya. Dia tidak dapat mengurusnya dengan sendiri, apatah lagi menjadi wali kepada orang lain.

## **vii. Tidak Berihram**

Seseorang yang berihram haji atau umrah tidak boleh mengahwinkan orang lain.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Orang yang berihram tidak boleh berkahwin dan tidak boleh dikahwinkan.<sup>32</sup>

### **3.4.9 Bahagian Wali**

Wali terbahagi kepada dua iaitu wali *ijbar* dan wali *ikhtiyar*.

#### **3.4.9.1 Wali *Ijbar***

Wali *Ijbar* ialah bapa dan datuk sebelah bapa sahaja. Wali *Ijbar* hanya mengahwinkan anak dara sama ada kanak-kanak atau dewasa dan berakal atau gila. Bapa dan datuk sebelah bapa boleh mengahwinkan anak atau cucu perempuannya tanpa izinnya dan kerelaannya. Ini kerana bapa dan datuk sebelah bapa lebih mengetahui maslahat anak gadis tersebut dan wujudnya perasaan kasih sayang terhadapnya. Jesteru, mereka tidak akan memilih calon suami kecuali yang sesuai dengan maslahat perempuan tersebut.

---

<sup>32</sup> Riwayat Muslim (1409).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Seorang janda lebih berhak terhadap dirinya sendiri daripada walinya.<sup>33</sup>

### 1. Syarat Sah *Ijbar* wali

- i. Tidak terdapat permusuhan yang nyata antara wali dan perempuan yang diwalikannya.
- ii. Bakal suami yang dipilih mestilah sekufu'.
- iii. Bakal suami berkeupayaan menyerahkan mas kahwin dengan segera.

Walaupun bapa dan datuk sebelah bapa adalah wali *mujbir*, namun, memaksa anak gadisnya berkahwin tidaklah *afhdal* tanpa mengambil kira pandangannya. Bahkan, *afhdal* dan sunat meminta izin untuk mengahwininya sebagai penghormatan dan menyedapkan hatinya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Janganlah dikahwinkan janda hingga diminta persetujuannya dan janganlah dikahwinkan anak dara sehingga diminta izinnya. Para sahabat bertanya, Bagaimana mengetahui keizinannya? Rasulullah SAW bersabda: Dia diam.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> Riwayat Muslim (1431), Umar Abu Daud (2100), al-Nasaie (6/84), Ibn Majah (2100) dan Ibn Hibban (1241).

### 3.4.9.2 Wali *Ikhtiyar*

Wali *Ikhtiyar* adalah semua wali menurut tertib yang dinyatakan sebelum ini. Wali *ikhtiyar* hanya berlaku bagi mengahwinkan perempuan janda. Jesteru, dia tidak boleh dikahwinkan oleh walinya walaupun bapanya sendiri melainkan dengan keizinan dan kerelaannya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Janganlah dikahwinkan janda sehingga mendapat persetujuannya.<sup>35</sup>

Janda ialah perempuan yang telah hilang selaput daranya disebabkan persetubuhan yang halal ataupun haram, bukan disebabkan penyakit, terjatuh dan sebagainya.

Hikmah mendapat persetujuan janda dan tidak mengahwinkannya tanpa kerelaan adalah kerana dia lebih jauh memahami tujuan perkahwinan. Oleh sebab itu, dia tidak boleh dipaksa. Pengalaman daripada perkahwinan terdahulu menyebabkan dia tidak malu berterus terang dalam memberikan persetujuan.

---

<sup>34</sup> Riwayat al-Bukhari (5136) dan Muslim (1419).

<sup>35</sup> Riwayat al-Bukhari (5236) dan Muslim (1419).

Sebaliknya, anak dara berasa malu untuk berterus terang menyatakan persetujuannya.

Janda yang masih kecil ialah kanak-kanak perempuan yang masih janda sebelum mencapai umur *baligh*. Dalam keadaan ini, tidak harus bagi bapanya dan mana-mana wali yang lain mengahwinkannya sehingga kanak-kanak itu *baligh*. Hal ini kerana keizinan kanak-kanak tidak boleh dipakai dan menyebabkan perkahwinannya terhalang sehinggalah dia mencapai umur *baligh*.

#### **3.4.10 Keengganan Wali Dalam Pernikahan**

Apabila seorang perempuan yang baligh dan berakal mahu berkahwin dengan seorang yang sekufu' dengannya, wali wajib mengahwinkannya. Jika wali enggan walaupun bapanya sendiri, perkahwinan tersebut diwalikan oleh sultan. Hal ini adalah kerana mengahwinka perempuan dengan yang sekufu' adalah tanggungjawab wali. Jika mereka enggan menunaikan tanggungjawab tersebut, maka hakim yang melaksanakannya.

Ini berdasarkan hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sultan wali bagi orang yang tiada wali.<sup>36</sup>

---

<sup>36</sup> Riwayat Abu Daud (2083) dan Al-Tirmizi.

#### **3.4.11 Wali *Ghaib***

Apabila ramai dan yang terhampir berada dua *marhalah* atau lebih daripada pengantin, maka hak perwalian tidak berpindah kepada wali yang berikutnya, bahkan berpindah kepada sultan. Hal ini kerana hak perwalian masih kekal kepada wali *ghaib* yang terhampir itu. Apabila dia tidak dapat melaksanakannya, maka hak perwalian tersebut digantikan oleh hakim.

Namun, jika wali yang terhampir berada kurang dua *marhalah*, maka sultan tidak boleh melaksanakan perkahwinan itu kecuali dengan keizinannya. Hal ini disebabkan jarak perjalanan yang singkat dan wali itu dirujuk sama ada hadir sendiri atau mewakilkannya, samalah seperti wali itu bermukim.

#### **3.4.12 Beberapa Wali Yang Setaraf**

Apabila terdapat wali yang setaraf dari segi nasab, seperti saudara lelaki seibu sebapa atau sebapa, perkahwinan itu sunat diwalikan oleh mereka yang lebih arif tentang hal perkahwinan di kalangan mereka kerana dia lebih mengetahui syarat-syaratnya. Keutamaan seterusnya ialah yang lebih wara' di kalangan mereka dan yang lebih bersifat kasih sayang dan berhati-hati untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik bagi seseorang perempuan.

Seterusnya, wali yang berumur kerana dia lebih berpengalaman. Wali yang mengahwinkan perempuan itu hendaklah dipersetujui oleh semua wali yang lain supaya bersatu pendapat dan tidak melebih-lebihkan yang lain di kalangan mereka. Jika mereka tidak sepakat dan masing-masing ingin mengahwinkannya, wajib dijalankan undian di kalangan mereka bagi menyelesaikan pertelingkahan tersebut. Orang yang kena undi, mewalikan pernikahan tersebut.

Jika perempuan tersebut diwalikan oleh wali yang kurang berkelayakan berbanding wali-wali yang lain atau bukan wali yang kena undi, perkahwinannya adalah sah jika perempuan itu memberikan keizinan kepada semua wali berkenaan. Jika dia memberikan keizinan kepada seorang wali sahaja, tetapi wali yang lain pula mengahwinkannya, maka perkahwinan itu tidak sah kerana keizinan itu tidak diberikan kepadanya.

#### **3.4.13 Ketiadaan Wali**

Apabila wali tiada, maka hak perwalian berpindah kepada *qadhi*, kerana dia dilantik untuk melaksanakan kepentingan orang Islam. Mewalikan perkahwinan perempuan yang ketiadaan wali merupakan *maslahat* yang wajib disempurnakan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sultan wali bagi orang yang tiada wali.<sup>37</sup>

#### **3.4.14 Sebab Yang Mengharuskan Untuk Berwalikan Hakim**

Antara sebabnya ialah:

- i. Kerana tidak ada wali *nasab*.
- ii. Kerana tidak cukup syarat-syarat wali bagi Wali Aqrab dan Wali Ab'ad pula tidak ada.
- iii. Kerana Wali *Aqrab* berada di tempat yang jaraknya lebih daripada 96 km.
- iv. Kerana Wali *Aqrab* masuk penjara dan tidak boleh berhubungan dengannya.
- v. Kerana Wali *Aqrab* berada dalam ihram.
- vi. Kerana Wali *Aqrab* menyembunyikan diri untuk mengelak dari menikahkannya.
- vii. Kerana Wali *Aqrab* berdegil tidak mahu menikahkannya.
- viii. Kerana Wali *Aqrab* hilang tidak diketahui tempatnya dan tidak diketahui pula sama ada masih hidup atau telah mati.
- ix. Kerana Wali *Aqrab* hendak berkahwin dengan perempuan itu dan tidak ada wali lain sederjat dengannya.

---

<sup>37</sup> Riwayat Abu Daud (2083) dan al-Tirmizi (1102)

### **3.4.15 Berwakil Wali Dalam Pernikahan**

Wali *mujbir* sah mewakilkan wali perkahwinan anak daranya kepada orang lain tanpa izinnya. Wali tidak disyaratkan menentukan bakal suami perempuan kepada wakilnya kerana dia berhak membuat atau tidak membuat penentuan ketika berwakil.

Walau bagaimanapun, jika wali tidak membuat penentuan, wakil hendaklah menjaga *maslahat* pengantin perempuan. Dia tidak boleh mengahwinkannya dengan lelaki yang tidak sekufu kerana berwakil secara umum membawa maksud sekufu. Sementara wali bukan *mujbir* tidak boleh berwakil wali dalam perkahwinan kecuali dengan izin pengantin perempuan. Hal ini adalah kerana wali bukan *mujbir* tidak mempunyai kuasa mengahwinkan perempuan tanpa izinnya, lebih-lebih lagi mewakilkannya.

## **3.5 RUKUN KEEMPAT: DUA ORANG SAKSI**

Akad perkahwinan adalah sama dengan akad perkahwinan yang lain, yang disyariatkan redha ijab dan qabul. Walau bagaimanapun, Islam memberikan akad perkahwinan ini penuh penghormatan dan kemuliaan, yang bersifat keagamaan dan pengabdian kepada Allah SWT. Oleh itu, mereka yang melangkah kealam perkahwinan dianggap sebagai ketaatan kepada Allah dan merupakan ibadat yang diberi ganjaran.

Oleh sebab akad nikah memberi kesan yang besar untuk menghalalkan pergaulan suami isteri, mewajibkan pemberian mas kahwin dan *nafakah*, *menthabit*kan nasab, hak pewarisan, tanggungjawab bersama dan ketaatan, agama Islam mewajibkan sekurang-kurangnya dua orang hadir menjadi saksi akad perkahwinan tersebut sebagai langkah berhati-hati.

Hal ini adalah kerana hak-hak berkenaan berkemungkinan terdedah kepada keingkaran pasangan suami isteri tersebut. Sementara saksi-saksi pula mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu supaya mereka dipercayai dan memuaskan hati untuk *menthabit*kan hak-hak tersebut jika berlaku riak-riak pertelingkahan suami isteri atau seorang daripada mereka mengingkarinya.

Hal ini berdasarkan hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tidak sah nikah, melainkan oleh wali dan dengan adanya dua orang saksi yang adil. Pernikahan selain daripada itu adalah batal hukumnya.<sup>38</sup>

---

<sup>38</sup> Riwayat Ibn Hibban (1247) dalam sahihnya

### **3.5.1 Syarat-Syarat Saksi**

Syarat-syarat saksi adalah seperti:

#### **i. Islam**

Akad nikah tidak sah jika orang bukan Islam menjadi saksi. Hal ini adalah kerana akad nikah merupakan perkara yang berkaitan dengan agama. Oleh itu, saksinya hendaklah orang yang beragama Islam kerana persaksian orang bukan Islam tidak boleh dipercayai terhadap orang Islam tidak mempunyai kuasa ke atas orang Islam. Tambahan pula, persaksian adalah kuasa dan orang bukan Islam tidak mempunyai kuasa ke atas orang Islam.

#### **ii. Lelaki**

Akad nikah tidak sah dengan saksi perempuan atau dengan seorang lelaki dan dua orang saksi perempuan. Al-Zuhri Rahimahullah berkata: Telah berlaku sunnah daripada Rasulullah SAW, iaitu persaksian orang perempuan tidak harus dalam perkara hudud, nikah dan cerai.

#### **iii. Berakal dan Baligh**

Perkahwinan tidak sah dengan kehadiran saksi yang gila dan kanak-kanak. Hal ini adalah kerana akad perkahwinan merupakan kedudukan yang penting. Jika hanya bersaksikan orang gila dan kanak-kanak, perkahwinan akan menjadi perkara remeh sahaja.

**iv. Adil**

Kedua-dua orang saksi hendaklah adil walaupun kelihatan pada zahirnya sahaja, iaitu hal sebenar tidak diketahui dan kefasikkannya tidak nyata. Oleh itu, akad nikah tidak sah dengan saksi yang zahir fasiknya kerana persaksian mereka tidak boleh dipercayai.

**v. Pendengaran Yang Baik**

Tidak sah akad nikah dengan saksi yang pekak atau tidur. Hal ini disebabkan tujuan persaksian tidak tercapai kerana yang hendak disaksikan ialah perkataan melalui pendengaran.

**vi. Penglihatan Yang baik**

Akad nikah juga tidak sah dengan saksi yang buta. Hal ini adalah kerana kata-kata tidak *thabit* melainkan dngan melihat dan mendengarnya.

**3.5.2 Penyaksian Persetujuan Pengantin Perempuan**

Sunat disaksikan persetujuan pengantin perempuan tentang akad nikahnya, iaitu dengan mendengar keizinan dan persetujuannya, seperti:

Aku bersetuju dengan pernikahan ini atau Aku mengizinkan. Hal ini adalah sebagai langkah berhati-hati untuk mengelakkan keenggannya selepas akad nikah.

### **3.6 RUKUN KELIMA: LAFAZ AKAD NIKAH (*SIGHAH*)**

*Sighah* mestilah jelas. *Sighah* ini merangkumi ijab dari pihak wali seperti kata-katanya, Aku menikahkan dikau, atau Aku menikahkan akan dikau dengan anak perempuanku, dan kabul dari suami, Aku menikahnya, atau Aku bernikah dengan anak perempuanmu.

#### **3.6.1 Hikmah Disyariatkan *Sighah***

Hikmah disyariatkan lafaz akad nikah adalah kerana akad mesti dengan kerelaan kedua-dua sebelah pihak. Kerelaan ialah perkara tersembunyi yang tidak mudah untuk dilihat. Oleh sebab itu, hukum syarak menganggap ijab dan kabul sebagai satu tanda yang jelas menunjukkan kerelaan tersebut.

#### **3.6.2 Sah *Sighah* Dengan Bahasa-Bahasa '*Ajam***

Sah sesuatu akad walaupun *sighah* ini dilafazkan dengan bahasa '*ajam* (bukan bahasa Arab seperti Melayu di Malaysia atau bahasa Inggeris dinegara-negara

Eropah atau Amerika) oleh orang yang mengetahui dengan baik akan bahasa Arab itu justeru apa yang diiktibarkan adalah makna *sighah* itu.

### **3.6.3 Syarat-Syarat *Sighah***

#### **1. *Sighah* mestilah dengan lafaz, Mengahwinkan(*Tazwij*) atau Menikahkan**

Dari lafaz Mengahwinkan dan Menikahkan ini dikeluarkan lafaz-lafaz seperti Aku mengahwinkan dikau dan Aku menikahkan dikau, di dalam *sighah* ijab dari pihak wali. begitu juga Aku terima nikah/ pernikahannya, di dalam *sighah* kabul dari pihak suami.

Adapun disyaratkan lafaz perkahwinan dan pernikahan itu dan lafaz-lafaz yang dibentuk dengan menggunakan kalimah asas dari kata terbitan seperti kahwin atau nikah, jesteru kedua-dua lafaz itu telah digunapakai di dalam bahasa dan syarak agama Islam bagi menunjukkan atau menjadi dalil kepada akad pernikahan. Kedua-dua lafaz ini dipakai di dalam nas-nas Al-Quran dan As-Sunnah.

#### **3.6.4 Tidak Sah Penggunaan *Sighah* Di Dalam Bentuk Sindiran (*Kinayah*)**

*Sighah* merupakan dalil luaran bagi keredhaan yang tersembunyi di dalam hati pihak-pihak yang terlibat di dalam akad pernikahan itu, maka *sighah* tidak boleh dengan sindiran disebabkan *sighah* (lafaz ijab dan kabul) itu memerlukan kepada niat, manakala saksi-saksi tidak boleh mengetahui apa yang diniatkan di dalam hati.

1. Oleh yang demikian, jika *sighah* dengan sindiran maka tidak sah pernikahan tersebut. Pernikahan hanya sah dengan ijab yang telus dan mempunyai kesan pada masa itu juga. Tidak sah akad yang menggunakan lafaz *kinayah* di dalam bahasa apa pun. Lafaz ijab yang diucapkan oleh wali: Aku mengahwinkan anak perempuanku, kemudian si suami melafazkan kabul: Aku terima, maka akad pernikahan itu belum sempurna. Sebaliknya, jika si suami berkata kepada si wali: Nikahkan aku dengan anak perempuanmu, maka si wali berkata: Aku terima, maka akad pernikahan ini juga dianggap belum sempurna disebabkan kedua-dua belah pihak tidak berterus-terang dengan menggunakan lafaz perkahwinan atau pernikahan.

##### **i. Akad nikah dengan menggunakan tulisan**

Begitu juga tidak sah akad pernikahan dengan menggunakan tulisan sama ada dua pihak yang menjalankan akad itu hadir atau tidak. Maka kalau wali kepada isteri

menulis kepada seorang yang ghaib atau hadir: Aku nikahkan dikau dengan anak perempuanku, lalu surat atau tulisan itu sampai ke tangan si suami lalu beliau membacanya seraya berkata: Aku terima pernikahan anak perempuanmu. Dalam keadaan ini tidak dah akad pernikahan jester tulisan itu adalah satu bentuk *kinayah* dan pernikahan tidak akan terhasil dengan *kinayah*.

## ii. Isyarat Dari Orang Yang Bisu Yang Difahami

Adapun isyarat yang difahami maksudnya yang dilakukan oleh seorang bisu, iaitu isyarat yang tidak mengandungi maksud atau mengkhususkan maksud yang hanya difahami oleh orang yang cerdik dan sedar sahaja bahkan ia boleh difahami maksudnya oleh semua orang, maka dengan isyarat yang seumpama itu terhasil akad pernikahan kerana berada di dalam kedudukan yang sama dengan lafaz *sarih*.

Sekiranya isyarat dari seorang yang bisu merupakan satu isyarat yang tersembunyi yang hanya difahami oleh orang-orang yang cerdik sahaja maka akad pernikahan tidak sah kerananya isyarat itu berada di dalam kedudukan yang sama dengan *kinayah* dan *kinayah* tidak mewujudkan akad pernikahan.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> Abul Khairi Al-Latifi. 2000. *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.hlm. 103.

## **2. Ijab dan Kabul Mestilah Bersambungan**

Syarat *sighah* mestilah ijab dari wali bersambungan (*muttasil*) dengan kabul dari si suami. Oleh yang demikian tidak sah pernikahan itu melainkan dengan kabul dari pihak suami dengan serta merta tanpa dipisahkan oleh diam yang lama atau dipisahkan oleh perkataan asing.

Si wali berkata: Aku nikahkan dikau dengan anak perempuanku, lalu si suami diam dalam tempoh yang lama kemudian beliau berkata dalam kabulnya: Aku terima nikahnya, tidak sah akad itu antara wujudnya pemisah yang panjang atau lama antara ijab dan kabul yang dikira di mana di dalam tempoh diamnya yang panjang si suami itu memungkinkan si wali menarik balik urusan pernikahan itu. Sebaliknya, diam yang sebentar seperti senafas atau bersin maka ia tidak memudaratkan kesahihan akad tersebut. Kabul itu adalah dengan lafaz, Aku bernikah atau Telah bernikah akan daku, atau Aku terima nikahnya Si Fulan atau Aku terima pernikahannya denganku.

## **3. Kelayakan (*ahliah*) Dua Pihak Yang Berakad Itu Kekal Sehingga Telah Sempurna Kabul**

Jikalau wali kepada si isteri berkata: Aku nikahkan akan dikau dengan anak perempuanku, akan tetapi sebelum keluar kabul dari pihak suami, wali itu menjadi

gila atau tidak sedarkan diri kemudian si suami menyatakan kabulnya, tidak sah pernikahan itu. Begitu juga sekiranya si suami berkata kepada si wali: Nikahkan daku dengan anak perempuanmu, kemudian si suami tidak sedarkan diri sebelum wali berkata: Aku nikahkan dikau, batallah ijab dan tidak sah akad walaupun wujud kabul, ketidakeujudan keayakan salah seorang dari pihak yang mengangkat akad itu sebelum sempurna akad.

#### **4. *Sighah* Mestilah Mewujudkan Kesannya Pada Waktu Akad**

Tidak sah disandarkan akad pernikahan itu pada masa hadapan atau tidak boleh dita'liqkan atau digantungkan kepada sesuatu syarat. Tidak boleh digantungkan kepada sesuatu. Contohnya, Apabila datang bulan Ramadhan aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku, maka si suami menjawab: Aku menikahnya. Tidak sah akad tersebut.

Oleh yang demikian, sandaran akad pernikahan pada sesuatu waktu atau ketika di masa hadapan ataupun digantungkan kepada sesuatu syarat yang membawa kesan penangguhan hukum-hakam akad di masa hadapan atau kepada kewujudan syarat. Semua keadaan ini menafikan perkara-perkara yang lazim wujud akibat terjadinya atau pelaksanaan akad tersebut.

## 5. *Sighah* Itu Mestilah Mutlak

Tidak sah menentukan waktu pernikahan untuk tempoh yang diketahuinya seperti sebulan atau setahun ataupun tidak diketahui seperti kedatangan si fulan yang ketika itu tiada di majlis akad. Maka sekiranya si wali berkata: Aku menikahkan dikau dengan anak perempuanku satu bulan, atau setahun atau sehingga kedatangan si fulan, maka berkatalah si suami di dalam kabulnya: Aku terima nikahnya, tidak terhasil pernikahan di dalam gambaran seumpama ini jesteru pernikahan ini adalah pernikahan *mut'ah* yang diharamkan oleh Allah AWT hinggalah ke hari kiamat.

## 6. Lain-lain Bentuk *Sighah* Yang Menjadi Akad Tidak Sah

*Sighah* ijab itu adalah, Aku nikahkan engkau atau aku menikahkan dikau, tanpa selain atau kedua-duanya seperti lafaz-lafaz; aku jual akan perempuan ini kepada engkau, atau aku hadiahkan perempuan ini kepada engkau, atau aku memilikkan kepada engkau akan perempuan ini.

Jika pihak wali berpada dengan lafaz, aku terima, begitu juga jika pihak suami berpada dengan lafaz, aku terima pernikahan, tanpa disandarkan kepada perempuan itu iaitu dengan lafaz seperti aku terima nikahnya si fulan binti si fulan, maka tidak sah kabul itu. Walaupun pihak suami mengucapkan kepada si

wali, Nikahkan kau dengan anak perempuan si fulanah, maka berkatalah si wali:

Aku nikahkan dikau, maka sah akad itu.

# BAB IV

## **BAB IV**

### **PERKAHWINAN YANG DIHARAMKAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Kesahan sesuatu perkahwinan itu apabila cukup rukun dan mengikut syarat perkahwinan yang telah ditetapkan menurut Islam. Terdapat perkahwinan yang diharamkan menurut Islam walaupun sudah cukup rukun dan syarat tetapi tujuan dan niat perkahwinan itu adalah salah. Perkahwinan yang diharamkan ini bertujuan memuaskan nafsu, mementingkan diri dan bersifat menzalimi. Perkahwinan yang diharamkan adalah tidak sah, antaranya adalah perkahwinan *mut'ah*, perkahwinan *tahlil*, perkahwinan *syighar*, perkahwinan dalam keadaan ihram umrah dan ihram haji dan lain-lain. Pelaku yang melakukan perkahwinan yang diharamkan adalah berdosa besar, dilaknat dan dikeji oleh Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW.

#### **4.2. PERKAHWINAN *MUT'AH***

Takrif bagi perkahwinan *mut'ah* ialah apabila seseorang lelaki dan seorang wanita berkahwin atas dasar perjanjian bahawa perkahwinannya itu hanya untuk sementara waktu, baik seminggu, sebulan ataupun setahun; dan perceraian terjadi bila waktu yang ditentukan itu habis.

#### 4.2.1 Dalil Yang Mengharamkan Perkahwinan *Mut'ah*

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Wahai umat manusia, sesungguhnya aku izinkan kamu mengecapi nikmat persetubuhan, ketahuilah bahawa Allah S.W.T mengharamkannya (*mut'ah*) hingga kiamat.

Berdasarkan dalil di atas, hukum perkahwinan *mut'ah* ialah haram. Di zaman permulaan Islam, perkahwinan *mut'ah* dibolehkan, iaitu ramai kaum muslimin menyertai dalam perjuangan menegakkan agama Allah dan meninggalkan isteri-isteri mereka pergi ke negeri lain dalam masa waktu yang lama sekali, sehingga mereka terpaksa hidup membujang dan tidak ada yang menguruskan kehidupannya seharian. Manakala, pada zaman jahiliyah, perkahwinan *mut'ah* merupakan adat kebiasaan yang dilakukan orang dimana-mana. Akan tetapi agama Islam menetapkan ketentuan hukum melalui cara peringkat demi peringkat, akhirnya mengharamkan perkahwinan *mut'ah* secara mutlak dan untuk selama-lamanya.

#### **4.2.2 Tujuan Perkahwinan *Mut'ah***

Tujuan perkahwinan *mut'ah* adalah untuk memenuhi hawa nafsu dan nafsu seksual semata-mata. Mereka ini ialah perempuan atau lelaki yang berkahwin pura-pura dengan tujuan hendak mengecap kelazatan syahwat semata-mata.

Perkahwinan ini juga mempunyai suatu tempoh masa yang telah dijanjikan seperti berkahwin kontrak dan perkahwinan *mut'ah* ini merupakan perzinaan, kerana tidak bertujuan lain kecuali memuaskan hawa nafsu dan sama sekali tidak bertujuan memperoleh keturunan dan tidak mengindahkan pemeliharaan anak-anak dan tidak ada soal waris-mewarisi di antara dua orang suami isteri.

#### **4.2.3 Kesan Perkahwinan *Mut'ah***

Kesan buruk daripada perkahwinan *mut'ah* sangat merendahkan kedudukan wanita, kerana wanita dipandang sebagai barang yang dapat berpindah dari satu tangan ke tangan yang lain. Bagi anak-anak yang lahir dari perkahwinan *mut'ah*, kesannya lebih besar lagi, kerana mereka tidak akan mempunyai tempat berlindung yang tetap dan mantap serta tidak terurus pendidikan dan pengajarannya. Anak-anak tidak cukup kasih sayang ibu atau bapa atau keduanya akan cenderung mengalami masalah emosi, jiwa dan masalah sosial.

Niat bercerai yang tersembunyi di dalam perkahwinan *mut'ah* ini jelas merupakan penipuan dan pemalsuan. Di dalamnya terkandung unsur-unsur perosak yang menghancurkan ikatan suci. Ikatan yang mempunyai erti terpenting dan terbesar dalam kehidupan manusia itu diubah menjadi tempat sekadar untuk memuaskan hawa nafsu. Perbuatan seperti itu pasti akan mengakibatkan timbulnya rasa permusuhan dan kebencian, bahkan menghilangkan kepercayaan orang-orang yang dengan jujur dan bersungguh-sungguh hendak membangunkan kehidupan rumahtangga.<sup>40</sup>

### **4.3 PERKAHWINAN TAHLIL**

Takrif bagi perkahwinan *tahlil* ialah perkahwinan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang janda yang telah tiga kali ditalak (atau dijatuhi talak tiga) oleh suaminya, sesudah janda itu berakhir masa iddahanya. Setelah janda yang berkahwin itu digauli, lalu dia dicerai agar dapat dinikah lagi oleh bekas suaminya yang pertama. Di Malaysia, perkahwinan ini dikenali sebagai perkahwinan Cina Buta.

---

<sup>40</sup> Muhammad Ali Quthb, *Mutiara Perkahwinan Menurut Islam*, Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 195.

Allah S.W.T mengharamkan lelaki menikahi kembali isterinya yang telah tiga kali dicerainya (atau telah dijatuh talak tiga), sebelum bekas isterinya itu kahwin lagi dengan lelaki lain dan kemudian dicerai oleh lelaki lain itu.<sup>41</sup>

#### **4.3.1 Dalil yang mengharamkan Perkahwinan *Tahlil***

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi dengan isnad Hasan dan Sahih berasal dari Ibnu Mas'ud R.A., menyatakan maksudnya:

Rasulullah S.A.W melaknati orang yang melakukan perkahwinan *tahlil* (lelaki) dan orang yang hendak dihalalkan olehnya (wanita).

Perkawinan *tahlil* merupakan perbuatan keji dan termasuk dosa besar. Allah mengharamkan perkahwinan seperti itu, melaknati pelakunya dan menganggap perkahwinan itu tidak sah (batil).

#### **4.3.2 Kesahan Perkahwinan Janda Yang Dicerai Tiga Kali**

Perkahwinan dengan seorang janda yang telah tiga kali dicerai atau ditalak tiga kali oleh suaminya, dipandang sah jika lelaki yang mengahwininya itu benar-benar atas kemahuannya sendiri dan benar-benar bertujuan hendak hidup

---

<sup>41</sup> *Ibid*, 197.

bersama seumur hidup. Ia menggaulinya dengan sepenuh hati dan perasan, sehingga mencapai kemanisan madu isterinya dan isterinya pun mengecapi kemanisan madu suaminya.

Apabila suami isteri itu berkahwin dengan niat ikhlas dan kehendaknya sendiri, kemudian suaminya meninggal dunia atau mencerainya berdasarkan alasan yang diterima akal, barulah bekas suaminya yang pertama dihalalkan berkahwin kembali dengan bekas isterinya itu setelah berakhir masa iddahya.

#### **4.4 Perkahwinan *Syighar***

Pada zaman jahiliyah, seorang lelaki dapat mengahwinkan anak atau saudara perempuan yang berada di bawah jagaannya dengan lelaki lain atas dasar imbalan yang sama atau secara timbal balik

Contoh kepada perkahwinan *syighar*, Si Abu mengahwinkan anak atau saudara perempuannya dengan Si Borhan, sebagai imbalannya Si Borhan mengahwinkan anak saudara perempuannya dengan Si Abu. Berdasarkan perjanjian di dalam perkahwinan timbal-balik itu, maka baik Si Abu mahupun Si Borhan bebas dari kewajipan membayar maskawin. Perkahwinan yang berupa

pertukaran barang dagangan itulah yang disebut dengan perkahwinan *syighar*.  
Perkahwinan sebegini jelas salah diharamkan oleh agama Islam.

Kesahan perkahwinan tanpa timbal-balik adalah sah kerana keadaannya dengan perkahwinan timbal-balik itu masing-masing lelaki yang berkenaan membayar maskawin sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak. Dalam hal ini perkahwinan adalah sah dan benar menurut syarak, kerana bukan berupa perkahwinan *syighar*.<sup>42</sup>

#### **4.5 Perkahwinan Dalam Keadaan Ihram Haji atau Umrah**

Orang yang berada dalam keadaan ihram, baik ihram haji mahupun ihram umrah, tidak dihalalkan melakukan perkahwinan, sama ada perkahwinan itu dilakukannya sendiri mahupun diwakilkan kepada orang lain. Akad nikah perkahwinan harus ditangguhkan sehingga ihram berakhir. Pernikahan yang dilakukan dalam masa ihram adalah batal, tidak sah dan pelakunya adalah berdosa.<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup> *Ibid*, hlm. 199.

<sup>43</sup> *Ibid*, hlm. 200.

#### **4.6 Kesimpulan Dan Sumbangsaran Penulis**

Perkahwinan merupakan titik awal permulaan sesebuah institusi kekeluargaan. Islam meletakkan syarat dan peraturan bagi membentuk sistem kekeluargaan yang menepati hukum syarak dan menjadi asas kekuatan masyarakat terdahulu sehingga kiamat. Ini kerana sekiranya perkahwinan itu sah maka lahirlah keluarga yang baik dan masyarakat yang baik. Perkahwinan yang tidak sah adalah sebaliknya kesannya kepada masyarakat seperti berterusan melakukan penzinaan.

Selain itu, amat penting bagi mengetahui hukum perkahwinan. Sekalipun perkahwinan itu pada asalnya merupakan satu amalan sunat yang dilakukan oleh Rasulullah SAW tetapi kadang-kadang hukumnya akan bertukar menjadi wajib, kadang-kadang pula ia menjadi haram atau sunat atau makruh atau harus, mengikut situasi tertentu. Perkahwinan adalah sunnah Rasulullah SAW yang mudah diikuti dan pelakunya akan memperolehi ganjaran pahala yang besar serta secara tidak langsung telah meramaikan umat Nabi Muhammad SAW.

Sesebuah perkahwinan itu tidak akan berlaku tanpa berasaskan kepada beberapa perkara penting yang telah ditetapkan oleh syarak di dalam rukun-rukun nikah. Tanpa sebahagiannya atau salah satu daripadanya maka perkahwinan itu rosak, tidak sah dan tidak wujud. Kesempurnaan serta kesahannya wajib kepada

kewujudan kesemua rukun tersebut. Rukun-rukun perkahwinan kesemuanya ada lima iaitu suami, isteri, wali, dua orang saksi dan *sighah* iaitu ijab dan kabul.

Perkahwinan di dalam Islam ialah menghalalkan hubungan suami isteri, ia merupakan sebuah ikatan yang suci dan tidak boleh dipermainkan. Ada segelintir masyarakat yang mengambil kesempatan untuk kepentingan diri mereka sendiri dengan melakukan perkahwinan yang telah diharamkan oleh Islam. Perkahwinan yang diharamkan oleh Islam dan tidak sah itu sekiranya ianya dilaksanakan seperti perkahwinan *Mut'ah*, perkahwinan *Tahlil*, perkahwinan *Syighar* dan perkahwinan dalam keadaan ihram haji atau umrah maka perkahwinan itu tidak sah.

Pelbagai isu yang timbul tentang masalah perkahwinan di Malaysia sejak dahulu lagi, cuma bezanya kini ialah isu ini semakin berleluasa dan semakin ramai yang melakukan perkara yang tidak diketahui kesahan perkahwinan melalui akad nikah menurut Islam. Isu yang timbul ini salah di sisi agama dan undang-undang. Oleh itu, antara isu yang menjadi perbualan hangat pada masa kini antaranya seperti berikut:

- i. Isu perkahwinan yang dilakukan di luar negeri. Pasangan yang terjebak dengan perkahwinan melalui sindiket yang tidak sah, wali yang tidak diiktiraf, saksi yang tidak adil dan meragukan. Undang-undang ada menyatakan tentang

perkahwinan yang tidak sah.<sup>44</sup> Suatu perkahwinan adalah tidak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, menurut syarak, untuk menjadikannya sah.

- ii. Kegagalan memenuhi prosedur perkahwinan Islam yang telah ditetapkan. Hal ini kerana sebelum perkahwinan tersebut dapat didaftarkan, pasangan akan melalui proses pengesahan nikah terlebih dahulu. Namun demikian, tidaklah bermakna tidak mematuhi prosuder ini akan menyebabkan perkahwinan itu batal atau tidak sah.<sup>45</sup>
- iii. Tidak dinafikan belanja kahwin yang tinggi juga merupakan penyebab meningkatnya masalah sosial seperti kes khalwat. Kesalahan khalwat ini berlaku apabila lelaki atau perempuan yang bukan mahramnya berdua-duaan di tempat yang terselindung atau boleh menimbulkan syak atau fitnah.<sup>46</sup>
- iv. Apabila sebuah perkahwinan itu tidak sah maka hubungan kelamin yang dilakukan juga adalah tidak sah. Oleh itu, mereka ini telah melakukan persetubuhan luar nikah.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> Sek. 11 AUKI 1984.

<sup>45</sup> Sek. 34 AUKI 1984.

<sup>46</sup> Sek. 27 AKJS 1997.

<sup>47</sup> Sek. 23 AKJS 1997.

Saya berpendapat agar pihak berkuasa Agama Islam negeri-negeri hendaklah mengkaji semula peruntukkan Akta dan Enekmn Undang-Undang Keluarga Islam sedia ada agar bersesuaian dengan keadaan semasa. Keberkesanannya yang kini sudah kurang berkesan. Keadaan ekonomi negara yang semakin maju dan stabil, kadar denda yang ada sudah tidak berpadanan kerana hampir semua pasangan yang berkahwin tanpa keizinan wali atau berpoligami mampu menjelaskan denda yang dikenakan. Kadar denda yang dikenakan kini iaitu RM1000.000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya patut ditambah kepada RM5000.000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan diseragamkan di semua negeri agar tidak berlaku ketidakadilan.

Zaman kian maju, semakin ramai remaja yang bercinta di usia muda, oleh itu mereka perlu tahu umur minimum untuk perkahwinan.<sup>48</sup>Saya berpendapat agar para pelajar di peringkat sekolah menengah lagi sudah didedahkan dengan asas-asas berkaitan ilmu munakahat atau perkahwinan. Ini bagi membolehkan mereka berfikir dengan matang dan mereka mempelajari tentang rukun nikah beserta syarat-syaratnya. Disamping itu, mereka juga perlu didedahkan dengan implikasi atau kesan buruk sekiranya sesuatu akad itu tidak sah menurut syarak dan mengikut undang-undang Islam di Malaysia.

---

<sup>48</sup> Sek. 8 AUKI 1984.

Pada pendapat saya kursus nikah umpamanya ialah prosedur praperkahwinan bagi mendedahkan ilmu berkaitan pembinaan rumahtangga mengikut hukum syarak dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu matlamat kursus nikah ini juga bagi mendedahkan tentang pelbagai persoalan dan masalah dalam perkahwinan bagi mengurangkan kadar perceraian. Kursus ini amat bagus tetapi masa yang diperuntukkan hanya dua hari sahaja. Tempoh masa dua hari tidak cukupi bagi memahami dan mempelajari semua ilmu tentang perkahwinan terutamanya berkaitan rukun nikah agar tidak di ambil mudah.

Budaya pada hari ini iaitu ibu bapa sibuk dengan pekerjaan dan hal masing-masing. Mereka hanya mengejar dan melihat kepada pangkat dan pekerjaan semata-mata. Saya cadangkan agar ibu bapa lebih prihatin terhadap perasaan anak-anak mereka yang ingin berkahwin, memberi sokongan moral serta berkongsi ilmu alam perkahwinan. Ini kerana ibu bapa lebih berpengalaman dan dapat memberitahu tentang akad nikah dan syarat-syarat yang perlu diketahui kepada anak-anak mereka yang ingin berkahwin.

Keizinan wali pihak perempuan dan persetujuan kedua-dua pihak yang akan berkahwin telah diperuntukkan dengan jelas bawah akta dan Enekmn Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan kegagalan memenuhi peruntukan tersebut akan mengakibatkan sesuatu perkahwinan itu tidak diperakui dan

didaftarkan bawah Akta tersebut.<sup>49</sup> Oleh itu, sekiranya wali tidak mahu memberi keizinan maka boleh memohon kepada mahkamah untuk membenarkan perkahwinan melalui wali raja atau wali hakim.

Akhir sekali, rukun nikah dan syarat-syaratnya wajib di patuhi kerana ianya akan menentukan kesahan perkahwinan menurut Islam manakala prosedur dan pendaftaran perkahwinan dibuat untuk memudahkan kehidupan berumah tangga dan bukannya menyusahkan. Hal ini bagi memastikan bahawa kehidupan manusia adalah berteraskan syariat agama dan undang-undang. Sesungguhnya perkahwinan yang diredai Allah adalah perkahwinan yang diredai ibu bapa. *Wallahu a'lam.*

---

<sup>49</sup> Sek. 13(a) AUKI 1984.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Al-Hadith

Abdullah Basmeih, 2001 *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abul Khairi Al-Latifi. 2000. *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Abu Malik Kamal Bin As-Sayid Salim. 2011. *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. Cet. 2. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.

Imad Zaki Al-Barudi. 2007. *Tafsir Wanita Dalam Al-Quran*. Trj. Jamaluddin Ibrahim Mydin. Cet. 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.

*Kamus Dewan* (2005). Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Musa Bin Fathullah Harun. 1999. *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Cet. 1. Selangor: Dr. Musa Bin Fathullah Harun.

Muhammad Ali Qutb. 2003. *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Cet. 11. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Najibah Mohd Zin *et al.* 2007. *Undang-undang Keluarga (Islam)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tanpa pengarang. 1998. *Hukum Hakam Perkahwinan*. Pnys. Muhamad Al Mansur. Cet. 1. Johor: Perniagaan Jahabersa.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2010. *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Cet. 1. Selangor: Darul Syakir Enterprise.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. *Al-Fiqh Al-Manhaji Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al Syafi'i*. Cet. 2. Selangor: Darul Syakir Enterprise.